



ACHIEVEMENT

FLOORSYS raih pingat emas dalam KIK UA Ke-16

11 October 2022

Disediakan oleh: Nor Salwana Mohammad. Idris, Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Canseleri

JOHOR, 4 Oktober 2022 - Kumpulan FLOORSYS daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya meraih pingat emas dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti Awam Ke-16 yang diadakan di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini.

Sistem FLOORS merujuk kepada akronim bagi '*Faculty Lab Online Open Reservation System*' yang merupakan sistem yang memudahkan urusan tempahan slot makmal bagi pelajar-pelajar yang ingin menggunakan makmal berbanding sebelum ini menggunakan kaedah tempahan secara manual.

Menurut ketua kumpulan FLOORSYS, Nor Azmi Sabri, sistem ini bercirikan sebagai hab atau pusat sehati untuk pengurusan makmal secara elektronik yang menekankan konsep IOT (*Internet of Things*).

"Projek ini telah bermula pada tahun 2018 dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK).



"Penggunaan sistem ini telah diseragamkan ke semua makmal-makmal FTKA sejak dari bermulanya kemasukan pelajar ke UMP secara berperingkat selepas pandemik COVID-19.

"Manfaat terbesar terutamanya ketika waktu pandemik sebelum ini apabila pihak makmal FTKA berjaya mengadakan sistem kemasukan makmal oleh para pelajar secara kuota dan sistematik melalui Sistem FLOORS ini," katanya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua ahli kumpulan, fakulti, pengurusan UMP, penasihat dan semua terlibat yang banyak memberi galakan sepanjang penghasilan sistem ini.

Turut menyumbang pingat, Kumpulan CIREL yang diketuai Dr. Al Fahmi Mubarak Ali dan Kumpulan OSERA PLUS yang diketuai Dr. Wan Norlinda Roshans Mohd Nawi dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) yang berjaya meraih pingat perak.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad.

Hadir sama Pengarah Pusat Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (PHKK), Profesor Dr. Chong Kwok Feng dan Pengurus PHKK, Helmi Mohamed Isa.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin menzahirkan ucapan tahniah semua pemenang yang telah berjaya dalam program ini.

Ujarnya, pihak universiti sentiasa menyokong agar warga UMP dalam peningkatan budaya inovasi dalam perkhidmatan.

“Persekitaran kerja kini sememangnya menuntut sistem penyampaian yang lebih inovatif dalam menghasilkan perkhidmatan yang dapat memenuhi dan melangkaui kehendak pelanggan dan *stakeholders*,” katanya.

Selain itu beliau turut mengharapkan kejayaan ini akan menyuntik semangat warga UMP lebih membudayakan inovasi dalam memastikan perkhidmatan yang berkualiti.

Konvensyen kali ini menyaksikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) meraih johan keseluruhan.

Dalam pada itu, UMP turut diumumkan sebagai tuan rumah penganjuran Konvensyen KIK Kali Ke-17 pada tahun hadapan.

TAGS / KEYWORDS

[KIK UA Ke-16](#)

[SDG](#)

[UTHM](#)